

## Majlis Minum Petang Alumni bersama Naib Canselor UMP



Satu program Majlis Minum Petang Bersama Graduan UMP sempena Majlis Konvoesyen Kali Ke 3 Sidang Kedua telah diadakan pada 23 Januari yang lalu bertempat di Hotel Vistana Kuantan.

Seramai 310 orang graduan hadir dalam majlis yang telah dirasmikan oleh Naib Canselor UMP. Program yang diadakan ini bertujuan untuk meraikan kejayaan graduan yang telah menamatkan pengajian dengan jayanya selain memperkenalkan barisan kepimpinan Persatuan Alumni Universiti Malaysia Pahang yang baru sahaja dilantik pada 1 November 2008 yang lalu.

Dalam majlis tersebut juga, Tabung Alumni Prihatin telah dilancarkan atas dasar keprihatinan alumni kepada bencana serta kesusahan yang melanda masyarakat tidak kira di mana sahaja mereka berada meskipun telah bergelar graduan UMP. Khidmat bakti dan sumbangan kepada masyarakat akan terus dicurahkan dan tidak akan dilupakan sama sekali.

## Bengkel MPK dan FM JHEPA 2009

Genting, 18 Mac – Biarpun berada dalam kesibukan menjalankan tugas harian, pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni masih berpeluang untuk mengadakan satu bengkel bagi penyediaan dan pemantapan Manual Prosedur Kerja (MPK) dan Fail Meja (FM). Bengkel ini telah diadakan selama 3 hari 2 malam bertempat di Hotel Seri Malaysia Genting.

Objektif bengkel tersebut adalah untuk menghasilkan MPK dan FM selaras dengan kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991. MPK adalah merupakan sebuah dokumen yang dijadikan rujukan mengandungi fungsi dan objektif rasmi jabatan, prosedur-prosedur yang jelas untuk membantu jabatan berfungsi dengan cekap dan berkesan. MPK telah dikemaskini mengikut kesesuaian perubahan fungsi dan dasar di JHEPA dari semasa ke semasa. Manakala FM pula diadakan di peringkat individu sebagai dokumen rujukan yang mengandungi peranan dan hala tuju serta garis panduan yang lengkap supaya gerak kerja dapat dijalankan dengan lebih cekap dan sempurna.

Seramai 45 orang staf JHEPA telah terlibat dalam menjayakan bengkel ini. Y.Bhg Prof. Dr Abd Jalil Bin Borham telah merasmikan bengkel ini di mana beliau turut memberi sokongan padu bagi menghasilkan MPK dan FM. Secara keseluruhannya bengkel ini telah mencapai objektifnya dan semua staf yang terlibat mendapat idea yang jelas dalam bidang tugas masing-masing dan akan menjadi FM sebagai dokumen rujukan utama pada setiap masa dalam membantu menjalankan tugas dengan lebih berkesan.

## PERSIS Wadah Kecemerlangan Pelajar di UMP

Pembimbing Rakan Sebaya atau lebih dikenali dengan PRS bukanlah sesuatu yang asing didengari di peringkat sekolah mahupun di universiti.

Walaupun kehadirannya masih baru di UMP, Pembimbing Rakan Sebaya atau lebih dikenali sebagai PERSIS UMP telah pun membuat pengambilan pertamanya dengan mengadakan Perkampungan Pembimbing Rakan Siswa Siri 1 2008/2009 pada 20 hingga 22 Februari yang lalu bertempat di Amberstone Ulu Yam. Seramai 43 orang peserta telah menyertai program yang julung-julung kali diadakan ini. Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan ialah Latihan Dalam kumpulan (LDK), Nite Walk, The Last Samurai dan War Games. Tujuan program ini dianjurkan oleh Unit

Kaunseling & Alumni adalah untuk melatih kumpulan pertama PERSIS bagi menjadi mentor atau pembimbing kepada siswa dan sisi UMP agar sentiasa berdaya saing dan cemerlang dalam akademik mahupun sahsiah pelajar.

